

2

NEGARA!

Jaguh badminton Malaysia cuai kerana tak sedar *dexamethasone* masuk ke badan

Chong Wei digantung 8 bulan

KUALA LUMPUR - Jaguh badminton negara, Datuk Lee Chong Wei dikenakan hukuman gantung lapan bulan selepas didapati bersalah ekoran pengambilan bahan terlarang jenis *dexamethasone* ketika Kejohanan Badminton Dunia di Copenhagen, Denmark pada 30 Ogos tahun lalu.

Bagaimanapun, Persekutuan Badminton Dunia (BWF) menjatuhkan hukuman penggantungan itu bermula pada hari pengambilan sampel air kencing pada 30 Ogos hingga 30 April ini, sekali gus membolehkan Chong Wei dibenarkan beraksi semula bermula 1 Mei depan dan menyertai Piala Sudirman di China (10-17 Mei) dan Sukan SEA di Singapura (5-16 Jun).

BWF dalam satu kenyataan semalam menjelaskan bahawa *dexamethasone* yang diuji ketika ujian doping itu berpunca daripada kapsul suplemen herba, cordyceps yang diambil bekas pemain No. 1 dunia itu sebagai makanan tambahan.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, cordyceps telah diamalkan oleh Chong Wei sejak berusia 13 tahun dan disahkan selamat oleh pakar pemakanan Institut Sukan Negara (ISN).

Menurut beliau, kes yang menimpa Chong Wei itu merupakan kes terpencil apabila bahan terlarang tersebut mencemari kapsul pil yang diambil atlet itu.

"Saya ingin menegaskan bahawa bahan terlarang *dexamethasone* terdapat pada kapsul yang mengandungi cordyceps. cordyceps merupakan produk makanan semula jadi dalam bentuk suplemen herba.

"Chong Wei telah mengambil

DATUK LEE CHONG WEI GUNA BAHAN TERLARANG



KERATAN Kosmo! 9 November 2015.

Profil Lee Chong Wei

Nama: Lee Chong Wei

Umur: 32 tahun

Tempat Lahir: Bagan Serai, Perak

Jurulatih: Hendrawan

Ranking terkini: 30

Pencapaian

- Juara Seluruh England (2010, 2011 dan 2014)
- Pingat Emas Sukan Komanwel (2006 dan 2010)
- Pingat Perak Sukan Asia (2010)
- Naib Juara Kejohanan Dunia (2011 dan 2014)
- Pingat Perak Sukan Olimpik (2008 dan 2012)
- Tempat Ketiga Piala Thomas (2006, 2008 dan 2010)
- Tempat Ketiga Piala Sudirman (2009)

cordyceps sejak berusia 13 tahun kerana keluarganya percaya ia bagus untuk kesihatan.

"Dalam kes ini, panel pendengaran doping (BWF) percaya antara penyebab utama *dexamethasone* dikesan dalam sampel yang diambil daripada Chong Wei berpunca daripada satu atau lebih sarung gelatin kapsul yang mengandungi

Panel pendengaran doping percaya antara penyebab utama dexamethasone dikesan dalam sampel yang diambil daripada Chong Wei berpunca daripada satu atau lebih sarung gelatin kapsul mengandungi Cordyceps

KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR



KHAIRY (tengah), Chong Wei (kiri) dan Mohamad Norza pada sidang akhbar menjelaskan kes penggantungan jaguh badminton negara itu di Putrajaya semalam.

cordyceps.

"Chong Wei mengikuti cara pengambilan pemakanan daripada ISN dari segi suplemen yang boleh diambil atau tidak.

"Pakar pemakanan ISN menasihatkan bahawa kapsul cordyceps selamat dan tidak perlu diuji selagi ia cordyceps yang asli," kata Khairy pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

Turut hadir pada sidang akhbar mengenai pengumuman hukuman daripada BWF itu ialah Timbalan Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria dan Tan Sri Mohamed Al-Amin Abd. Majid serta Chong Wei.

Berikutan itu, Khairy meng-

ingatkan setiap atlet kebangsaan perlu mengambil iktibar daripada kes tersebut dan meminta mereka merujuk mengenai kandungan ubat atau makanan tambahan kepada ISN.

"Kami akan mengkaji semula apa yang telah berlaku, bukan sahaja kes Chong Wei tetapi atlet-atlet lain yang berada di bawah seliaan ISN.

"Ia merupakan peraturan tetap ISN dan kami akan memberikan nasihat kepada atlet supaya tidak mengambil suplemen atau ubat-ubatan bukan daripada ISN," tegas beliau.

Gelaran naib juara yang diraih Chong Wei pada kejohanan dunia di Copenhagen itu ditarik semula manakala pingat perak yang diraih dalam acara perseorangan serta berpasukan di Sukan Asia Incheon, Korea pada September tahun lalu bergantung kepada keputusan Komuniti Sukan Asia.

- Merupakan sejenis steroid
- Mempunyai pelbagai kegunaan untuk tujuan rawatan antiradang, alahan atau asma
- Dexamethasone juga boleh mengurangkan kesakitan sekali gus membolehkan para atlet beraksi dalam perlawanan walaupun mengalami kecederaan
- Pesakit yang mengambil dexamethasone atas nasihat doktor pula perlu mengurangkan dos pengambilan ubat tersebut hari demi hari
- Tidak disarankan untuk terus mengambilnya dalam jangka masa panjang kerana ia mampu memberi pelbagai kesan yang buruk
- Boleh didapati dalam bentuk bentuk pil atau sirap

bas Panel Pendengaran Doping BWF di Amsterdam, Belanda bagi mengemukakan rayuan terhadap penggunaan bahan terlarang itu.

Justeru, BWF berkata, pemain itu telah melakukan kesalahan anti doping mengikut peraturan 2.1 Peraturan Anti Doping BWF 2009 selepas sampel air kencingnya mengandungi bahan terlarang.

Bagaimanapun, panel mendapati Chong Wei 'cuai' tetapi kecuaiannya tersebut disifatkan sebagai 'lebih ringan' berikutan pemain itu tidak sedar bahawa bahan terlarang itu telah masuk ke dalam badan tanpa pengetahuannya.